

19/07/2005

MIER-AP

KETUA MIER GESA DIKAJI SEMULA KRITERIA PEMBERIAN AP

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) Dr Mohamed Ariff hari ini berkata adalah satu tanda tadbir urus yang baik bagi kerajaan mendedahkan nama-nama orang yang menerima Permit Kelulusan (AP), tetapi beliau menggesa pembuat-pembuat dasar agar mengkaji semula kriteria bagi pemberian mereka bagi memastikan bahawa tiada penyalahgunaan sistem.

"Mendedahkan angka AP dan nama-nama (penerima) tidak memadai kerana terdapat keperluan bagi satu sistem pemantauan bagi memastikan orang menggunakannya untuk apa yang dimaksudkan," beliau memberitahu persidangan akhbar di sini.

MIER adalah sebuah kumpulan pemikir persendirian.

Kontroversi terhadap AP baru-baru ini menunjukkan "terdapat sesuatu yang amat tidak betul dengan sistem itu," tambah Dr Mohamed Ariff.

AP, yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah diperkenalkan pada 1970 dengan matlamat menggalakkan dan mengadakan peluang-peluang bagi para usahawan bumiputera di dalam sektor automatif.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata di dalam satu wawancara dengan sebuah akhbar Melayu Ahad lalu bahawa beliau akan bertindak ke atas pemberian AP kerana "terdapat pihak-pihak yang tidak sepatutnya menerima AP tetapi turut diberikan dan juga mereka yang menerima lebih banyak AP daripada mereka berhak."

Dr Mohamed Ariff, yang bercakap dalam menyambut pendedahan kerajaan mengenai keseluruhan senarai penerima AP sejak 1970 dan peruntukan bagi tahun ini, berkata, "Rasional bagi AP itu perlu dikaji semula, khususnya kriteria bagi pemberian AP itu."

Beliau berkata tidak ada apa yang salah dengan mendedahkan nama penerima-penerima itu kerana "tiada kontrak yang menyatakan nama-nama mereka tidak harus didedahkan."

Kontroversi itu meletus baru-baru ini apabila bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata pengeluaran bilangan permit yang besar itu telah menyebabkan persaingan yang tidak adil terhadap kereta nasional, Proton.

Dr Mahathir, yang juga penasihat Proton, telah mendakwa bahawa banyak pengimport mengisytiharkan harga rendah dan menjual kereta-kereta pada harga lebih murah daripada harga sebenar.

Dr Mahathir turut mempersoalkan bagaimana 20 syarikat telah diberikan sebahagian besar lebih daripada 50,000 AP yang dikeluarkan apabila matlamat kerajaan ialah untuk membantu sebanyak mungkin peniaga bumiputera dengan menebarkan pengeluarannya.

Sejumlah 110 syarikat telah diberikan AP dan pemegang-pemegang saham mereka yang terdiri daripada sama ada syarikat-syarikat atau individu-individu berjumlah kira-kira 270.

Berdasarkan kepada senarai yang dikeluarkan oleh kerajaan, beberapa orang individu -- Datuk Seri Syed Azman Syed Ibrahim, Datuk Mohd Haniff Abd Aziz dan Tan Sri Nasimuddin SM Amin melalui beberapa syarikat, dan Berjaya Group Bhd, Sime Darby dan Tan Sri Vincent Tan, memegang 36,856 AP atau 55 peratus daripada keseluruhan 67,158 permit yang dikeluarkan bagi tahun ini.

Nasimuddin, pengarah urusan Naza Motor Group, pertama kali memperolehi AP pada 1988 manakala Syed Azman dan Mohd Haniff, dahulunya dengan MITI muncul sejak 2002.

Syarikat-syarikat Nasimuddin ialah Naza Kia Sdn, Next Car Sdn Bhd, NZ Wheel (M) Sdn Bhd, Nasim Sdn Bhd dan Naza Brabus, yang mengimport kereta-kereta seperti Kia, Mercedes-Benz, Peugeot, Ferrari, Maserati, Rolls Royce, Bentley dan Brabus.

Syed Azman dan Mohd Haniff mengimport kereta melalui syarikat-syarikat seperti Weststar Motorsport Sdn Bhd, Atlantic Star Auto Sdn Bhd, Auto Pacific Star Sdn Bhd, Go Smartstar Sdn Bhd, Global World Trade Sdn Bhd dan Territorial Star Sdn Bhd.

Syarikat-syarikat mereka mengimport kereta-kereta seperti Honda, Ford, Chevrolet, Smart, Suzuki dan Audi.

Hyumal Motor Sdn Bhd yang dimiliki oleh Berjaya Group Bhd, Sime Darby Bhd dan Vincent Tan dikeluarkan 8,573 AP bagi kereta-kereta Hyundai.

Sementara itu, Rafidah yang dibidas oleh Dr Mahathir kerana pengeluaran besar-besaran AP, berkata semalam beliau berharap surat penjelasan yang dihantarnya kepada bekas perdana menteri minggu lalu akan menyelesaikan semua isu yang beliau timbulkan itu. -- BERNAMA

MSL MR SHY OS